

30 Jun 2009

AADK daerah digalak anjur pelbagai program



SUNGAI PETANI - Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Kuala Muda digalakkan menganjurkan pelbagai aktiviti di sini dalam usaha mengawal jumlah penagih dadah yang mencatatkan angka tertinggi di negeri Kedah.

Pengarah AADK Negeri Kedah, Atikah Ab Ghani berkata, Kuala Muda mencatatkan jumlah kes tertinggi melibatkan penagihan dadah dan menjadi daerah yang popular dalam kes penagihan di peringkat kebangsaan.

Menurutnya, daerah itu dikesan sebagai salah satu kawasan hitam mengenai kes penagihan dadah dan AADK telah menyediakan peruntukan yang lebih untuk penganjuran pelbagai aktiviti dan program di sini dalam usaha membendung gejala penagihan dadah.

"Keadaan ini adalah serius. Untuk itu, AADK telah merangka pelbagai program untuk dianjurkan di kawasan ini seperti Program Tempat Kerja Bebas Dadah.

"Saya berharap dengan penganjuran program yang melibatkan ramai peserta sebegini dapat menyalurkan mesej bahaya dadah dan seterusnya peserta dapat menyampaikannya kepada keluarga, jiran tetangga dan masyarakat lainnya yang tidak menyertai program begini," katanya ketika menyampaikan ucapan di Majlis Perasmian Program Tempat Kerja Bebas Dadah di sebuah hotel di sini, kelmarin.

Atikah berkata, mesej yang disampaikan melalui program dan aktiviti yang dianjurkan oleh AADK perlu lebih menyeluruh kepada masyarakat demi masa hadapan negara dan generasi akan datang.

Menurutnya, penyalahgunaan dadah boleh menyebabkan kehancuran kesejahteraan rakyat, individu, masyarakat dan negara serta mampu menjejaskan keharmonian dan kestabilan politik, ekonomi serta sosial negara.

"Bagi mencapai matlamat membersihkan daerah ini dan juga negara secara umumnya daripada ancaman najis dadah, kita perlulah bersama-sama menggembelng tenaga memerangi gejala ini dengan penglibatan daripada semua pihak.

"Kerjasama jabatan-jabatan kerajaan dan swasta di semua peringkat amat diperlukan dan saya menaruh harapan agar program yang diadakan ini menjadi landasan kepada kita semua untuk bersama-sama menggembelng tenaga memerangi dadah," katanya.